
SIARAN MEDIA

2,062 GRADUAN DIRAIKAN KONVOKESYEN POLITEKNIK UNGKU OMAR KE-51 TAHUN 2023

IPOH, 14 OGOS 2023: Istiadat Konvokesyen Politeknik Ungku Omar (PUO) ke-51 meraikan 2,062 graduan yang telah menamatkan pengajian pada Sesi 2 2021/2022 dan Sesi 1 2022/2023. Istiadat Konvokesyen yang berlangsung bermula dari 14 Ogos 2023 sehingga 18 Ogos 2023 melibatkan 1,981 orang di peringkat diploma dan 81 orang penerima di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Politeknik Ungku Omar yang telah ditubuhkan pada 2 Jun 1969, merupakan politeknik pertama yang ditubuhkan di Malaysia untuk melatih tenaga kerja dalam bidang Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga Ogos 2023, PUO telah melahirkan lebih 89,000 graduan dalam bidang Kejuruteraan, Perdagangan dan Teknologi Maklumat. PUO sebagai Politeknik Premier memegang tanggungjawab untuk memenuhi aspirasi negara dalam melahirkan graduan yang holistik, inovatif, berintegriti, serta memiliki pengetahuan dan keterampilan yang cemerlang dalam bidang yang diceburi.

Pada Julai 2023, PUO telah mencatat pencapaian gemilang dengan Anugerah Platinum oleh Suruhanjaya Pensijilan dan Akreditasi Asia Pasifik (APACC) yang merupakan penghargaan tertinggi dalam pengiktirafan kualiti dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ini adalah pengiktirafan prestasi dan komitmen PUO dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan memenuhi standard antarabangsa dalam bidang TVET.

Istiadat Konvokesyen Politeknik Ungku Omar ke-51 ini juga merupakan manifestasi kejayaan para graduan menamatkan pengajian dengan sokongan dan kasih sayang ibu bapa, ahli keluarga, sahabat handai serta para pensyarah yang tanpa jemu mendidik dan mendoakan kejayaan para graduan. Istiadat Konvokesyen ini juga menyaksikan penyampaian anugerah kepada graduan cemerlang iaitu Anugerah Ungku Omar, Anugerah Kecemerlangan

Akademik dan Kokurikulum, Anugerah Projek Terbaik (Penyelidikan dan Inovasi), Anugerah Khas Industri, dan Anugerah Ikon Keusahawanan.

Anugerah Ikon Keusahawanan merupakan anugerah baharu yang julung kali diperkenalkan pada tahun ini sebagai pengiktirafan kepada graduan PUO yang cemerlang dalam bidang keusahawanan dan dijadikan suri teladan kepada para pelajar dan graduan yang berminat menceburi bidang keusahawanan.

Salah satu sorotan penting pada istiadat konvokesyen kali ini ialah penganugerahan **Diploma Anumerta (*posthumous*)** yang akan disampaikan kepada waris Gemulah Abdul Razak bin Saibi, graduan Diploma Kejuruteraan Mekatronik yang telah meninggal dunia pada 25 Mac 2023 akibat kemalangan jalan raya.

Politeknik Ungku Omar juga merakamkan penghargaan kepada 28 industri yang telah memberikan sumbangan bagi Anugerah Khas Industri. Ini menunjukkan keteguhan kolaborasi strategik berimpak tinggi di antara PUO dan rangkaian industri di peringkat global sekaligus merefleksikan PUO sebagai '*Home of TVET Champions*'.

Orang ramai terutamanya yang berada di sekitar bandar raya Ipoh dijemput menghadiri Pesta Konvokesyen PUO dari 14 - 18 Ogos 2023. Pelbagai aktiviti disediakan untuk para pengunjung seperti reruai keusahawanan, pameran dari agensi kerajaan dan swasta, kuiz konvokesyen dan bulan kebangsaan, pertandingan *e-sports* serta cabutan bertuah.

Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen Politeknik Ungku Omar Ke-51 disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Abdul Razak bin Jaafar. Turut hadir pada sidang konvokesyen ini adalah Yang Berusaha Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

POLITEKNIK UNGKU OMAR
14 OGOS